

**UCAPAN Y.A.B. TIMBALAN PERDANA MENTERI
DI UPACARA MELETAKKAN BATU ASAS
INSTITUT TEKNOLOGI MARA DI BATU TIGA,
JALAN KLANG, SELANGOR PADA 14 OKTOBER 1967**

Lebih kurang 2 tahun 3 bulan dahulu iaitu pada 1.7.65 Bahagian latihan MARA telah ditubuhkan mengikut kehendak Kongres Ekonomi Bumiputera yang bersidang dalam bulan April pada tahun itu. Sebagai menyambut detik nadi dan memenuhi harapan Kongres tersebut, juga hasrat rakyat Bumiputera maka pada hari dan masa yang bertuah ini saya dengan bangga dan beberapa sukacitanya datang ke upacara meletakkan batu asas Institut Teknologi MARA ini demi kepentingan rakyat Bumiputera dalam bidang pelajaran dan latihan. Di atas tanah yang seluas 100 ekar ini yang akan bertambah menjadi 300 ekar pada tahun 1969 MARA akan mencurahkan segala tenaga, fikiran dan kepercayaannya yang penuh bagi membangun dan mendirikan satu masyarakat Bumiputera yang berpelajaran, berilmu, berkemahiran dan berfikiran baharu sebagai satu langkah yang tepat untuk mendatangkan kemajuan-kemajuan yang tertentu pada rakyat Bumiputera kerana disinilah punca segala usaha dan harapan kita bagi menambah beberapa kali ganda lagi tenaga manusia Bumiputera yang telatih di dalam bahagian Sains, Teknologi dan bermacam-macam profesyen yang sangat mustahak dan perlu diadakan jikalau rakyat Bumiputera betul-betul hendak dapat mencipta perkembangan, kekuatan dan kemajuan dalam bidang perdagangan dan perusahaan, kemasyarakatan dan iktisad di dalam negeri ini.

Ilmu itu ialah suluh kemajuan. Semacam mana yang tuan-tuan dan puan-puan maklum istiadat meletakkan batu asas Institut Teknologi MARA ini adalah satu lagi perkembangan dan kemajuan yang telah di capai oleh MARA di dalam Bahagian Latihan dan Pelajarannya. Kemajuan dan kerja-kerja yang akan dijalankan di atas tapak Institut Teknologi MARA ini adalah mata tangga yang kedua dalam daya usaha MARA hendak memperkembang dan meninggikan lagi taraf latihan dan pelajaran yang mesti diadakan demi kepentingan kita bersama. Mata tangga yang pertama dalam tangga kemajuan ini telahpun disediakan iaitu termasuklah perkembangan-perkembangan yang telah dicipta di dalam Maktab MARA yang kini sedang melatih lebih kurang 1,500 penuntut-penuntut Bumiputera dalam 20 jurusan-jurusan ilmu profesional, Sijil Persekolahan Tinggi di dalam Sains dan Sastera, Ilmu-ilmu Teknikal, Seni Lukis dan lain-lain lagi. Juga di dalam bidang biasiswa MARA telah menawarkan dan menghantar lebih kurang 270 biasiswa antara bulan Januari sampai bulan September tahun ini di luar dan di dalam negeri di dalam bahagian Sains, Jurutera Iktisad, Kira-kira dan lain-lain lagi ilmu yang berguna untuk menjayakan hasrat kita bagi menambah bilangan anak-anak bumiputera sesudah lulus kelak berlumba-lumba masuk dalam perniagaan dan perusahaan dalam negeri ini. Begitu juga kita telah melatih sebanyak 1,200 orang pemuda-pemuda dan pemudi-pemudi bumiputera dalam lapangan kemahiran termasuk kemahiran-kemahiran di dalam memperbaiki

enjin-enjin, dawai-dawai letrik, kereta-kereta, tukang gunting baju dan rambut, pengimpal dan lain-lain lagi kemahiran. Bila angka-angka ini dibandingkan dengan angka-angka latihan yang sangat kecil dijalankan antara tahun 1952 – 65 dahulu, nescaya tuan-tuan dan puan-puan sekalian dapati bilangan penuntut-penuntut dan pelatih-pelatih ini ada yang sampai 100 kali ganda lebih banyaknya jika dibandingkan dengan angka tiap-tiap tahun sebelum MARA ditubuhkan dahulu. Kita bersama berkembang hati atas kemajuan-kemajuan yang telah tercapai dalam masa yang begitu singkat.

Di dalam hal pembangunan dan perkembangan negara dan masyarakat kita seperti juga yang telah berlaku di negeri Jepun semenjak pemerintahan Meiji lebih kurang 100 tahun dahulu, pelajaran dan latihan itu adalah punca dan asas pembangunan, bukanlah seperti yang kita percaya dahulu iaitu pelajaran dan latihan itu diadakan selepas adanya pembangunan dan perkembangan. Pembangunan dan perkembangan sesuatu masyarakat atau negara itu tiada semestinya terletak pada wang dan mata benda sahaja kerana jikalau tidak ada orang-orang yang terpelajar dan berkemahiran yang betul-betul tahu menggunakan wang dan mata benda itu segala tenaga dan wang yang disalurkan dalam lapangan pembangunan dan perkembangan itu akan menjadi sia-sia sahaja. Perniagaan dan perusahaan bumiputera kebanyakannya kecil dan masih kurang maju bukan sahaja kerana tiada modal wang tetapi juga kerana ketiadaan modal otak dan pengetahuan seperti menyimpan kira-kira, ilmu kesetiausahaan, banking dan pengurusan dan lain-lain lagi ilmu dalam segi teknik dan sains. Begitu juga kelemahan-kelemahan saudagar dan pekerja-pekerja bumiputera di dalam lapangan perusahaan dan perdagangan ialah kerana salah sangka mereka itu tentang soal masa bekerja iaitu kebanyakan mereka itu percaya bahawa perkembangan perniagaannya boleh dijalankan dengan bekerja di antara pukul lapan pagi sampai pukul 5.00 petang sahaja, lima hari seminggu walhal bangsa bukan bumiputera dalam bidang perniagaan dan perusahaan tabah dan sabar bekerja terus dari pagi sampai larut malam kadang-kadang tujuh hari seminggu. Kita sekalian dalam MARA sedar akan hal-hal yang telah mendatangkan pengunduran dan kemiskinan pada masyarakat kita yang sudah-sudah. Azam dan tenaga kita sangat kuat untuk memperbaiki hal-hal yang tersebut tadi menerusi pelajaran dan latihan. Semacam mana yang telah berlaku di Maktab MARA sekarang ini, kuliah-kuliah dibuka dari pukul 8.00 pagi sampai pukul 10.00 malam. Maka Institut Teknologi MARA ini apabila siap dibina kelak akan memberi pelajaran dan latihan kepada murid-muridnya sampai larut malam, jika perlu, kerana berasa rugi jika kuliah-kuliah kita itu digunakan cuma waktu siang-siang hari sahaja. Di negara-negara yang telah maju di sebelah barat, seperti Eropah, Amerika dan England ada maktab-maktab dan sekolah-sekolah latihan melatih penuntut-penuntut sampai larut malam kerana mereka tahu dan percaya yang latihan dan pelajaran itu mesti berjalan seimbang dengan kehendak-kehendak masyarakatnya. Masing-masing di dalam suasana perlumbaan yang kencang dan hebat. Kita pun berhajat berbuat demikian. Di dalam perkara semacam ini, pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan MARA mestilah mempunyai pandangan yang saujana, tenaga yang kuat, fikiran yang bernas, hati yang jujur dan ikhlas, ketabahan dan keberanian hati sebagai pegawai-pegawai

yang betul-betul asyik pada perkembangan dan pembangunan bumiputera. Apabila muncul dan hidup perasaan yang penuh bertanggungjawab dan mendorong terhadap pekerjaan pembangunan dan perkembangan ini dan dicantumkan pula dengan latihan dan pelajaran yang tertentu tak dapat tiada apa-apa juga kerja-kerja dan tugas-tugas akan dapat dijalankan dengan cepat dan selesai untuk mencipta kerja-kerja pembangunan yang banyak dan bermutu.

Keberanian kita merancang untuk membina untuk membina Institut Teknologi MARA ini dengan perbelanjaan yang dianggarkan lebih kurang \$75 million berasakan keuntungan-keuntungan dan kesempurnaan hidup yang telah didapati oleh penuntut-penuntut kita yang telah lulus di dalam berbagai jenis pelajaran mereka dan sekarang telah bekerja dengan giatnya di dalam bidang perniagaan dan perusahaan, pendapatan yang kita ketahui sangat memuaskan, dan juga kerana sokongan-sokongan dan bantuan-bantuan yang telah mula datang dengan banyaknya daripada Kerajaan-kerajaan asing menerusi wakil-wakil mereka itu di negeri ini. Misalnya kita baru-baru ini telah mendapat tawaran latihan sebanyak 500 tempat dari Kerajaan India dan lebih kurang 1,000 tempat dari OISCA (*The Organisation for Industrial, Spiritual and Cultural Advancement-International*) Jepun. Terdahulu dari itu kita telah mendapat pertolongan yang banyak daripada Kerajaan Jerman Barat dan Amerika Syarikat.

Galakan-galakan dan sokongan-sokongan daripada Kerajaan, badan-badan perniagaan dan Kerajaan-kerajaan asing serta pengalaman kita sendiri dalam hal perkembangan MARA dalam bahagian latihan selama dua tahun inilah yang telah menguatkan azam kita untuk mendirikan Institut Teknologi MARA ini dan kita mengucapkan ribuan terima kasih atas sumbangan-sumbangan mereka itu. Perkembangan dan pembangunan yang kita jalankan ini harus tidak dapat dilaksanakan sepertimana yang para hadirin lihat hari ini kalau tidak ada persefahaman dan persetujuan antara ahli-ahli siasah, pegawai-pegawai pentadbir negeri dan Kerajaan negeri kita. Sukarlah saya hendak mengagak apakah kemajuan-kemajuan yang boleh dicapai oleh Bumiputera kiranya Kerajaan Perikatan semacam mana yang kita ketahui hari ini tidak ada menolong dan mendorong kita. Dalam pada itu sungguhpun asas pembangunan dan perkembangan dari Kerajaan dan dari kakitangan-kakitangan dan pegawai-pegawai MARA yang betul-betul bekerja untuk mencapai kemajuan yang tertentu telah sedia ada, kalau penuntut-penuntut dan pemuda-pemuda dan pemudi-pemudi kita masih lagi bersifat malam lalai, membuang masa, bermain-main dan tidak berani hendak menempah kesukaran dan belajar bersungguh-sungguh untuk mendapat kelulusan-kelulusan yang terpuji maka sia-sialah segala tenaga dan kerja-kerja yang kita telah jalankan selama ini dan yang akan dijalankan pada masa yang akan datang. Kita sangat memerlukan kemahiran, dayausaha dan kelulusan-kelulusan peperiksaan yang terpuji daripada penuntut-penuntut kita dalam masa perubahan dan perlumbaan yang kencang dan hebat pada masa ini dan yang akan datang. Tiap-tiap penuntut MARA baik lelaki mahupun perempuan yang berdiri di hadapan khalayak ramai petang ini mestilah mensifatkan istiadat meletak batu asas Institut Teknologi MARA ini sebagai satu ketika riwayat hidup mereka itu bagi meletakkan batu asas pendirian mereka itu sendiri yang teguh lagi bermakna, bersendikan semangat yang cergas lagi dinamis

untuk menyambut dan menjunjung hasrat amanah rakyat bumiputera pada mereka itu supaya mencari ilmu pelajaran, latihan dan kemahiran yang betul-betul akan menukarkan cara dan corak mereka itu berfikir dan hidup dengan lebih mewah mulia, kaya dan segar yang benar-benar akan memberi makna pada bangsa dan nusa mereka itu kelak.

Aluan-aluan yang telah kita hemburkan pada penuntut-penuntut di Maktab MARA ini juga kita sampaikan khas kepada ibu bapa sekalian pada hari ini dan amnya pada bumiputera sekalian dari segala pelusuk negara kita ini, yang tidak dapat bersama kita pada petang ini. Kita berasa belum puas hati lagi atas pendirian kebanyakan ibu bapa bumiputera terhadap soal pendidikan dan perkembangan masyarakat menerusi anak-anak mereka itu. Kita di Maktab MARA sedia melatih dan mengajar anak-anak mereka itu tetapi di dalam kerja kita untuk memperbaiki nasib anak-anak mereka itu kita telah dapati kebanyakan anak-anak mereka itu gelap di dalam tatatertib dan matlamat hidup yang baik dan mulia. Kalau tak salah, banyak daripada pemuda dan pemudi kita hidupnya terbiar dari teguran, kasih sayang dan tunjuk ajar yang tepat dari ibu bapa mereka sendiri terhadap pelajaran dan pembangunan kerana porak-peranda rumah tangga akibat perceraian-perceraian dan ibu-ibu yang dimadukan. Di dalam masalah memberi ilmu atau ajaran kepada pemuda pemudi kita, ibu bapa tidaklah boleh membisu dan mengasingkan diri mereka itu dari Maktab-maktab dan sekolah-sekolah latihan begitu juga Universiti kerana kita percaya rosak pemuda pemudi kita, maka rosaklah nusa dan bangsa kita.

Kita berharap benar supaya ibu bapa dapat berdamping lebih rapat lagi dengan kita untuk bertukar fikiran di dalam soal-soal kesulitan rohani anak-anak mereka itu: janganlah dibuat seperti yang sudah-sudah jika kita bertanam ubi, sayur dan buah-buahan kita buang dan campak sahaja batang ubi atau benih buah-buahan itu ke atas tanah mengharapkan rahim Allah menerusi hujan dan panas matahari sahaja untuk menghidupkan mereka itu terbiar dan tidak dibela pelihara, semacam mana bangsa-bangsa bukan bumiputera bertenaga menyiram, membajai dan membunuh ulat-ulat atau binatang-binatang yang merosakkan tanaman-tanaman mereka itu. Kasih sayang untuk memberi perangsang pada anak-anak itulah yang sangat-sangat kita kehendaki kalau ibu bapa betul-betul berkehendakkan kemajuan dan perkembangan.

Bangunan batu, khutub khanah berhawa dingin, bilik makmal dan tapak yang lebar ini tidak akan menjadi maktab atau Institut Teknologi MARA yang berguna jikalau pandangan penuntut-penuntutnya tidak saujana dan fikiran, kemahuan dan semangat mereka itu tidak dinamis. Saya pulangkanlah pada penuntut-penuntut dan ibu bapa sekalian supaya memberi sumbangan-sumbangan menerusi fikiran-fikiran yang bernas, tenaga yang kuat dan semangat mahu menyelidik dan mendalam Institut Teknologi MARA ini seimbang dengan kemajuan-kemajuan dan perkembangan-perkembangan yang diamanatkan oleh rakyat bumiputera pada kita sekalian untuk mendirikannya.

Sekarang, dengan beberapa sukacitanya saya merasmikan perletakkan batu asas Institut Teknologi MARA di Batu Tiga ini.